



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**13 September 2023  
27 Safar 1445H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none"><li>IPP biak ikan koi bebas penyakit</li></ul>
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none"><li>180,000 ekor benih udang karang dirampas</li></ul>
The Star	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
New Straits Time	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Nanyang Siang Pau	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Malaysia Gazette	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Harakah	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Malaysiakini	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Bernama	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Borneo Post (KK)	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Guan Ming Daily	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Sabah Media	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO !	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF	NEGATIF	NEUTRAL		32 13-09-2023



PELBAGAI Jenis ikan koi yang dibiakkan di Pusat Pembiakan Nukleus (NBC) IPP Glami Lem, Jelebu, Negeri Sembilan. - UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN

## IPP biak ikan koi bebas penyakit

Oleh BADRUL HAFIZAN MAT ISA  
badrulisa@medialabita.com.my

**JELEBU:** Institut Penyelidikan Perikanan (IPP) Glami-Lemi di sini berjaya membiakkan ikan koi Jepun bebas penyakit sejajar dengan standard yang ditetapkan negara Kesatuan Eropah.

Pegawai Penyelidik, Dr. Chew Poh Chiang berkata, Pusat Pembiakan Nukleus (NBC) IPP Glami Lemi membiakkan ikan koi Jepun yang terdiri daripada pelbagai varieti seperti Kohaku, Sanke, Showa, Ginrin, Doitsu, Ogon, Ochiba, Cagoi, Magoi, Soragoi dan Benigoi.

Menurut beliau, kesemua ikan koi tersebut adalah bebas penyakit Koi Herpes Virus (KHV) dan Spring Viraemia of Carp Virus (SVC).

*Utusan Malaysia* difahamkan, pembiakan ikan koi bebas penyakit itu dilakukan terutama selepas Malaysia disen-

raikan sebagai negara larangan eksport ikan koi ke negara Kesatuan Eropah pada 2008 berikutan ikan berkenaan dikesan dijangkiti KHV yang sekali gus melumpuhkan industri ikan koi negara ini.

"Pihak kami memperoleh akreditasi pensijilan Malaysian Good Agricultural Practise and Fish Quality Certification (MyGAP/FQC) dan kami bertindak mengagihkan koi bebas penyakit kepada penternak dan juga ladang koi berkelayakan."

"Jabatan Perikanan memang menyasarkan dan menetapkan syarat semua ladang koi yang berdaftar dengan jabatan perlu memperoleh Pensijilan MyGAP yang menggariskan pematuhan syarat-syarat biosekuriti dalam pengeluaran ikan koi."

"Oleh itu, sumber stok ikan koi yang reliable dan bebas penyakit khususnya KHV dan SVC adalah sangat penting dan

merupakan antara syarat yang perlu dipatuhi mereka," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

Jelas Poh Chiang, industri ikan hiasan di negara ini termasuk ikan koi sememangnya mempunyai potensi dan nilai pasaran yang cukup besar.

"Ikan koi diperdagangkan sebagai ikan hiasan dan juga untuk pertandingan, harga setiap ikan adalah mengikut gred, mana-mana ikan yang grednya adalah untuk tujuan pertunjukan dan pertandingan, memang harganya tinggi."

"Industri ini semakin berkembang dari banyak pihak seperti kedai ikan hiasan yang mengimport ikan koi tersebut dari Jepun, mereka besarkan ikan tersebut di sini dan turut menyediakan khidmat membina kolam untuk ikan-ikan ini kepada golongan peminat ikan tersebut," tambahnya.

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO !	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF	NEGATIF	NEUTRAL	25	13-09-2023

SH ms 25

## 180,000 ekor benih udang karang dirampas

**JOHOR BAHRU** - Polis Johor merampas sebanyak 180,000 ekor benih udang karang tanpa permit, hasil pemeriksaan yang dilakukan ke atas bot fiber di Jeti Awam Legaran Air Gemuruh, Sedili, Kota Tinggi pada Isnin.

Ketua Polis Johor, Datuk Kamarul Zaman Mamat berkata, sepasukan anggota dari Unit Risik Marin Markas Taktikal Pengerang menerima maklumat berkaitan sebuah bot fiber yang mencurigakan di jeti berkenaan kira-kira jam 5.30 petang.

Ujarnya, benih udang karang itu dibungkus dengan plastik dan dimuatkan di dalam 50 kotak gabus berwarna putih.

"Pemeriksaan mendapati bot tersebut membawa kotak mengandungi benih udang karang dari negara jiran yang tidak mempunyai permit sah.

"Polis turut menahan lima lelaki warga tempatan berumur lingkungan 21 hingga 43 tahun," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Menurut Kamarul Zaman, kesemua benih udang karang yang dirampas dianggarkan bernilai RM1.8 juta manakala nilai bot, dua unit enjin dan sebuah lori yang dirampas adalah RM245,000.

"Nilai keseluruhan rampasan dianggarkan sebanyak RM2.04 juta. Kes disiasat mengikut Seksyen 40 Akta Perikanan 1953," katanya.



Bungkusan plastik mengandungi benih udang karang dari negara jiran yang tidak mempunyai permit sah.